

Warisan Seni Keris Tradisional Melayu: Satu Analisis dari Perspektif Kebudayaan Melayu

Shuhairimi Abdullah^{1*}, Noor Salwani Hussin¹, Jamsari Jamaluddin¹, Abdul Jalil Ramli¹, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob¹, Amani Ali¹, Norhudi'in Danu¹, Mohd Erpi Mohd Ali¹ dan Abdul Rahman Manaf¹

¹*School of Human Development & Communication Technology (iKOM), Universiti Malaysia Perlis.*

ABSTRAK

Keris merupakan senjata warisan yang menjadi lambang keberanian dan kesatriaan masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Kehebatan senjata itu begitu istimewa hinggalah pahlawan Melaka, Laksamana Hang Tuah begitu sinonim dengan keris yang dikenali dengan Taming Sari. Sehingga kini, keris menjadi lambang kebesaran institusi kesultanan Melayu di negara ini. Keunikan keris bukan sahaja terserlah ketika ditampilkan dalam gerak jurus persilatan, malah ia bermula daripada pembuatannya yang teliti dan halus. Meskipun, keris dilihat sebagai alat kebesaran dan kebudayaan namun mitos-mitos yang beredar dalam kelompok masyarakat yang beranggapan keberadaan keris dipandang dan difahami dengan cara yang salah menyebabkan salah satu benda peninggalan budaya ini dijauhi oleh golongan muda pada masa kini. Sebagai contoh, mitos mendirikan keris harus memiliki ilmu kebatinan dan lain-lainnya, tetapi sekiranya difikir secara logik mendirikan keris adalah disebabkan oleh keseimbangan menguasai benda, seperti dalam hukum fizik dan graviti. Kepercayaan mistik tersebut masih lagi melekat dalam kepercayaan masyarakat yang dipegang oleh masyarakat tradisional dahulu malah masih lagi dipercayai oleh masyarakat moden pada hari ini. Penulisan kertas kerja ini adalah bersumberkan kepada dokumen-dokumen bertulis yang sedia ada. Analisis berkaitan dokumen bertulis tersebut akan disaring bagi menjawab persoalan kajian dalam kertas kerja ini. Umumnya, pemahaman tentang keris ternyata masih lagi mendapat tempat dalam masyarakat khususnya dalam kalangan individu pengumpul keris dan pencinta kebudayaan. Pada awalnya fungsi keris memang dianggap sebagai senjata tikam. Namun, apabila berlakunya perkembangan dan perubahan zaman fungsi keris telah berubah menjadi alat pusaka. Pada masa tertentu keris juga sempat dijadikan sebagai simbol status sosial dan pada masa kini penerimaan keris cenderung kepada alat perhiasan dan kesenian serta kebudayaan.

Kata Kunci: Warisan Seni, Keris, Institusi Kesultanan Melayu, Kebudayaan Melayu.

PENGENALAN

Keris adalah satu senjata yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional bagi tujuan mempertahankan diri dan juga dalam berperangan untuk melawan musuh. Bagi masyarakat Melayu tradisional, setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya sebilah keris sebagai simpanan bagi tujuan untuk mempertahankan diri. Keris bermaksud senjata pendek kebangsaan Melayu yang digunakan 800 tahun dahulu. Senjata ini memang unik dalam dunia Melayu dan boleh didapati di kawasan yang terdapatnya penduduk Melayu seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand Selatan, Filipina Selatan (Mindanao), dan Brunei Darussalam. Keris merupakan senjata pendek yang digunakan oleh orang Melayu sejak zaman keagungan pemerintahan kesultanan Melayu, pendekar, pahlawan serta kalangan pembesar istana. Umumnya, keris merupakan sebahagian daripada peralatan senjata utama bagi orang Melayu yang dipraktikkan dalam seni persilatan orang Melayu. Oleh kerana senjata keris begitu tinggi nilai dalam kalangan masyarakat Melayu, senjata tersebut dianggap sebagai pelengkap kepada pakaian baju Melayu. Sekiranya diimbau kembali sejarah kepahlawanan orang Melayu,

*Koresponden: shuhairimi@unimap.edu.my

bingkisan kisah pertikaman antara Laksamana Hang Tuah dan Laksamana Hang Jebat menggunakan keris menjadi *adillah* bahawa keris digunakan dalam dunia kepahlawanan orang Melayu. Oleh yang demikian, keris mempunyai kedudukan keistimewaan yang tersendiri dalam budaya masyarakat Melayu. Atas asas tersebut, keris dimasukkan sebahagian daripada adat istiadat raja-raja Melayu. Perkara ini telah direkodkan dalam teks (*Sulatus Salatin*, 2009) seperti berikut:

“... jikalau orang masuk ke dalam istana raja, jika tiada kain berpancung, dan berkeris di hadapan dan bersebai, tiada dapat masuk, barang siapa pun baik, dan apabila berkeris di belakang masuk ke dalam, dirampas oleh penunggu pintu.”

Sebilah keris boleh dimanifestasikan sebagai tanda persahabatan, status, hagemoni dan pada masa yang sama melambangkan nilai serta estetika budaya. Keris dan masyarakat Melayu tradisional dianggap dua unsur yang simbiosis sifatnya. Seseorang lelaki Melayu yang gagal membawa keris boleh diumpamakan sebagai tidak berpakaian dengan sempurna. Malah, dalam konteks budaya tradisional. Penghargaan pada seseorang tergantung kepada pakaiannya. Tingginya budi bahasa dan martabat seseorang terletak kepada keindahan pakaian dan kerisnya. Namun, pada hakikatnya, keris bukanlah semata-mata senjata tetapi sebuah cerminan daripada citra pemikiran, nilai dan falsafah kebudayaan yang tinggi bagi masyarakat Melayu.

Dalam pengaruh kebudayaan masyarakat Melayu, keris tidak hanya terhad merujuk kepada pengertian senjata secara tunggal, namun mewakili maksud yang lebih dan memiliki nilai estetika yang tinggi. Keunikannya terletak pada keindahan bentuk dan bahan yang dipakai serta proses pembuatannya yang memerlukan waktu yang lama, ketekunan dan kepakaran yang tinggi. Bagi peminat dan pengkaji seni, mereka beranggapan bahawa keris merupakan sebahagian daripada intelegensia kejuruteraan spiritual Melayu (Khamis Mohamad *et.al.*, 2012). Keris telah dinaik taraf sebagai khazanah kebudayaan nusantara dan juga Melayu. Adalah menjadi kelaziman, keris dipakai orang di Riau, Bugis, Jawa dan Bali sebagai pelengkap pakaian mereka (al-Mudra, 2004). Ekoran daripada perkembangan yang berlaku tersebut, budaya keris telah berkembang pengaruhnya ke jalur kawasan lain di Asia Tenggara, khususnya bagi kawasan yang memiliki asas kebudayaan Melayu, seperti Malaysia, Brunei, Filipina Selatan, Singapura dan Thailand Selatan (Wooley, 1998).

Keris termasuk jenis senjata tikam, namun bukan semua senjata tikam dapat disebut sebagai keris. Untuk itu, sebelum melanjutkan perbincangan, ingin dijelaskan kriteria yang harus dipenuhi sehingga layak disebut sebagai keris. Artifak yang dapat digolongkan sebagai keris perlu memenuhi kriteria yang berikut (Mahyudin al-Mudra, 2009):

1. Keris harus terdiri daripada dua bahagian utama, iaitu bahagian bilah atau mata keris dan bahagian ganja yang mewakili simbol *yoni*. Dalam falsafah Hindu, penyatuan antara lingga dan yoni adalah simbol kesuburan, keabadian dan kekuatan.
2. Bahagian keris yang dikenali ganja di tempa oleh pandai besi sebagai pemisah antara bilah dan puting keris. Kedudukan bilah keris yang condong mewakili sifat yang terpuji. Oleh yang demikian, bagi pemilik keris tidak kira apa juga kedudukan dan pangkatnya perlu sentiasa tunduk dan hormat bukan sahaja kepada Tuhan Yang Maha Berkuasa bahkan juga sesama insan. Simbolik ini mewakili falsafah padi iaitu semakin berisi semakin tunduk. Berdasarkan falsafah yang tersirat, pendapat golongan yang menyatakan keris dicipta sebagai alat untuk membunuh semata-mata adalah tidak benar. (Soekiman 1983).
3. Ukuran panjang bilah keris lazimnya adalah antara 33 cm sampai 38 cm. Namun, bilah keris di luar Jawa boleh sampai 58 cm, bahkan panjangnya keris buatan Filipina Selatan ada yang mencapai 64 cm.

4. Keris yang baik harus dibuat dan ditempa dari tiga unsur logam, iaitu campuran unsur besi, baja dan bahan pamor. Namun begitu, terdapat beberapa kriteria lain yang perlu diambil kira pada fizikal keris. Sebagai contoh, sarung keris dan bentuk keris.

Justeru, memiliki keris bagi masyarakat di Nusantara bukan hanya memiliki sesuatu yang bersifat fizikal bertujuan untuk cantik semata-mata. Ia adalah lambang dan simbol ketinggian masyarakat Melayu. Masyarakat Nusantara zaman dahulu menggunakan perasaan dalam menilai keris. Mereka membezakan pelbagai jenis besi dengan cara mengamati, mendengar bunyinya bila dijentik, dengan merabanya dan menggunakan perasaan dalaman. Oleh kerana itulah, ilmu besi tradisional ini sukar dipelajari dan sukar juga dibuat. Keris pada zaman dahulu kebiasaannya akan disalut dengan bahan arsenik atau digelar 'warangan' dalam bahasa Jawa. Bahan itulah yang akan menyebabkan lawan menderita bagi tempoh lama setelah terkena tusukan atau tikaman keris. (Utusan, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/keris-jiwa-melayu-dan-nusantara-1.377802>, capaian pada 29 Jun 2019). Disamping itu melalui kepekaan terhadap keindahan alam sekitar telah digabungkan ke dalam bentuk fungsi suatu alat. Kepintaran, kesabaran, ketekunan, dan keupayaan manusia menggabungkan antara kehidupan, bentuk dan fungsi ke dalam ciptaan mereka telah melahirkan hasil seni yang tinggi nilainya. Oleh itu pancaran budaya suatu bangsa dapat dilihat dengan nyata pada hasil seni seperti lagu, kesusasteraan, lukisan, pertukangan dan ukiran. Hasil seni yang mempunyai kehalusan tersendiri itulah yang sering dianggap mempunyai nilai budaya tersendiri. Di rantau ini, kesenian suatu karya juga dapat dilihat dalam senjata-senjata masyarakat Melayu.

Spiritual Keris Dalam Kosmologi Pemikiran Masyarakat Melayu

Umumnya, dari segi fizikal keris terdiri daripada dua jenis bentuk iaitu bilah keris lurus dan berluk. Atas sifatnya sebagai senjata, keris jenis lurus berfungsi sebagai senjata tusuk dan keris yang berluk pula berfungsi sebagai senjata tusuk dan senjata penangkis senjata lawan. Oleh kerana bilah keris tersebut berluk tikamannya boleh mengakibatkan luka tikaman lebih lebar dan luka yang marah kepada mangsa tikaman. Asasnya, maksud spiritual yang dimiliki oleh keris adalah seperti perbincangan seperti berikut:

i. Keris lurus

Dari sudut pembuatannya, pada peringkat awalnya bilah keris boleh dikategorikan sebagai sederhana namun, apabila berlaku perubahan masa dan zaman bilah keris tersebut dihiasi dengan motif pamor dan ditambah dengan corak ricikan mengikut lokaliti masyarakat tempatan. Bentuk fizikal bilah yang lurus mengandungi makna spiritual yang tersendiri iaitu pengabdian kepada Allah Yang Maha Esa. Secara tidak langsung, ia memberi ingatan kepada pemilik keris iaitu wajib beriman kepada Allah Yang Maha Tunggal dan segala bentuk pengabdian dan ketauhidan. Bahkan dalam ritual-ritual pembuatan keris lazimnya, zikir-zikir mengesakan Allah sentiasa tersemat dalam hati dan begitu juga dengan pemiliknya senjata tersebut sebagai simbol kerohanian tentang kekuasaan Allah kesaaNya yang suci daripada sifat kesyirikan.

Meskipun begitu, terdapat juga amalan yang menyimpang iaitu dengan memberi sajian kepada khadam keris yang kononnya dapat memberi tuah dan kuasa yang luar biasa kepada pemilik keris. Bahkan dikatakan keris yang berluk lurus apabila dijaga dengan baik dengan ritual-ritual tertentu dapat membersihkan daripada aura panas dan ganas (hartalangit.blogspot.com, capaian pada 29 Jun 2019). Barangkali terpengaruh dengan kepercayaan animisme dan kepercayaan Hindu-Budha yang pernah mempengaruhi kosmologi kepercayaan masyarakat Melayu sebelum kedatangan agama Islam. Kepercayaan berkaitan khadam tersebut masih lagi wujud pada masa kini disebabkan oleh ritual-ritual pemujaan untuk menghidupkannya yang jelas hakikatnya bertentangan dengan ajaran Islam.

ii. Keris berluk

Masyarakat Melayu kaya dengan seninya, berbahasa berseni, bersilat berseni dan begitulah juga berkeris berseni. Pada setiap bilah keris punya seninya tersendiri sama ada pada bentuk, campuran besi, pamur dan pelbagai lagi termasuklah seni pada sepuhan keris. Dalam ruang yang terhad ini kupasan hanya difokuskan berkaitan spiritual keris pada bilah keris berluk seperti berikut (hartalangkit.blogspot.com, capaian pada 29 Jun 2019):

Keris berluk 1 mempunyai makna yang tersirat iaitu sebagai simbolik untuk memberi peringatan kepada pemiliknya tentang keberadaan dan ketauhidan kepada Allah Yang Maha Tunggal. Menginsafi hakikat tersebut, jelaslah bahawa segala bentuk pengabdian hendaklah suci dari unsur-unsur syirik. Meskipun begitu, terdapat juga sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Jawa mempercayai pemiliknya akan memperolehi hajat-hajat yang bersifat keduniaan. Lazimnya, keris berluk 1 dikatakan pemiliknya akan memiliki aura tajam, kesaktian, kekuasaan dan karisma yang tersendiri. Secara prinsipnya, keris banyak digunakan dalam tujuan khusus dan adat istiadat serta lambang tauhid.

Keris berluk 3 dari sudut pandangan spiritualnya dikatakan memiliki persamaan dengan aura yang ada pada keris berluk 1. Secara analoginya, kelebihan yang dimiliki oleh keris berluk 3 dikatakan menzahirkan keseimbangan antara keperluan rohani dan jasmani serta memiliki daya ketahanan dalam menghadapi ujian hidup. Dari aspek yang lain pula, kuasa yang ada keris berluk 3 lebih mesra dengan semangat spiritual yang ada pada pemiliknya. Ini kerana, aura yang ada pada keris tersebut dikatakan lebih halus dan lembut. Keris jenis ini banyak dimiliki oleh golongan masyarakat kebiasaan.

Keris berluk 5 pula, dari sudut penulisan sejarah pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu terdahulu lazimnya dimiliki oleh para ulama'. Tegasnya, keris berluk 5 sebagai simbol kebesaran yang diiktiraf oleh kerajaan kepada golongan alim ulama' sebagai pewaris para nabi. Golongan tersebut sentiasa berkorban dalam mendaulatkan agama Allah di muka bumi Melayu dan benteng pertahanan menjaga kesucian agama Islam.

Selain itu, keris berluk 7 pula biasanya dimiliki oleh golongan pembesar kanan istana seperti laksamana dan panglima. Bersesuaian dengan status yang dimiliki maka keris berluk 7 melambangkan simbol keberanian dan kesatrian yang dimiliki oleh pemiliknya. Secara tidak langsung, keris berluk 7 melambangkan pemiliknya mempunyai wibawa dan karisma dalam pemerintahan.

Orang Melayu mesti mempunyai keris kerana keris itu melambangkan maruah dan martabat. Keris diri atau keturunan membawa kepada pengenalan siapa dan kedudukan pemiliknya dalam bangsa Melayu. Daripada hulu, pendukuk, sampir dan mata menceritakan siapa pemiliknya. Kedudukan pula adalah daripada anugerah istana. Oleh sebab itu, pada majlis keramaian di istana, jemputan yang datang akan membawa keris masing-masing. Justeru itu, keris berluk 9 dimiliki oleh golongan Raja dan kaum kerabatnya. Secara relatifnya, melambangkan pemiliknya bijaksana dan mempunyai sifat kepimpinan. Selain itu, keris berluk 11 pula menggambarkan pemiliknya memiliki cita-cita tinggi dalam mengejar kemajuan sosial dan sesuai digunakan oleh mereka yang telah bekerja dan berumah tangga. Manakala keris berluk 13 bermaksud pemiliknya sanggup mempertahankan apa sahaja yang sudah dimilikinya.

Falsafah Keris

Keris mempunyai falsafah yang cukup tinggi, yang memberi motivasi kepada setiap individu Melayu mengenali dan memelihara warisan pengetahuan agung tersebut. Pada setiap keris yang

ditempa oleh nenek moyang yang arif lagi bijaksana memberi pesan, agar kita bawa amanahnya untuk masa-masa hadapan. Maka tidak akan hilanglah sebenarnya yang dikatakan MELAYU di dunia nanti. Pada Hulu, Sampir, Batang Serunai, Puting, Ganja, Belalai Gajah, Duri Mengkuang, Bilah, Pamor, Luk Keris, semuanya mengandungi makna, semuanya ada falsafah, nasihat dan pesan untuk seorang pemilik keris dijadikan pendoman. Keistimewaan yang digambarkan pada keris diperihalkan seperti berikut:

Salah satu falsafah keris ialah berkaitan dengan kaedah pembuatannya dengan asal-usul kejadian manusia. Penciptaan manusia berdasarkan kepada empat unsur, iaitu tanah, air, api dan angin. Manusia diciptakan daripada tanah dan dilembutkan dengan air yang kemudiannya dibakar dengan api dan seterusnya dihembuskan roh. Para Empu dan Pandai Besi mengambil iktibar daripada kejadian manusia ini".

(Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi & Abdul Latif Samian, Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu, http://journalarticle.ukm.my/5489/1/Falsafah_Pekerisan_dalam_Masyarakat_Melayu.pdf, capaian pada 29 Jun 2019)

Begitu juga pandangan dari sarjana lain yang menggambarkan tentang kepentingan dan keistimewaan keris bukan hanya sebagai senjata semata-mata sebaliknya mengandungi korpus pengetahuan yang tinggi dalam warisan kebudayaan Melayu. Sebagai contoh (<http://melayudankeris.blogspot.com/p/falsafah.html>, capaian pada 29 Jun 2019):

"Sebagai orang Melayu Islam sebilah keris itu simbolik dengan pengertian penciptaan, kalau dipegang dalam kedudukan tegak ke atas, maka ia akan membentuk seperti huruf alif dalam aksara Arab.

Hakikat huruf alif ini merupakan cerminan, simbol atau saripati dari ajaran tauhid tentang keberadaan Allah selaku penguasa alam semesta; qulhuwa allahu ahad, katakanlah olehmu, Allah itu Maha Esa.

Dari huruf alif-lah segala sesuatu bermula. Maka, huruf alif itulah burhan yang nyata atas tauhid Allah yang, laisa kamislihi sai'un, yang tidak menyerupai sesuatupun yang dicipta. Ayat ini merupakan petikan ayat yang terdapat dalam surat asy-Syura' ayat ke 11. Ayat ini banyak dijadikan dalil penguat dari sifat Allah yang termasuk sifat wajib baginya, berbeda dengan makhluknya

Maka sesaorang yang di amanahkan dengan keris itu adalah penghulu sejagat yang harus sedar bahwa ia adalah pemegang huruf alif dan adalah khalifah yang dipercayakan sebagai pemimpin dari para pemimpin. dengan menghunuskan keris dengan sedemikian memelambangkan ianya mengiktiraf kedaulatan bangsanya dan hakikat Allah itu Maha Berkuasa".

Masyarakat Melayu menempa keris dengan pelbagai falsafahnya yang tersendiri. Umumnya, pembuat keris dikenali sebagai Pandai Besi atau Empu. Haryono Haryoguritno (2005) menukilkan bahawa:

"Orang akan mendapat sebutan Empu apabila ia memiliki kesaktian, kepandaian atau kemampuan batin yang lebih daripada orang kebanyakan. Gelar Empu dalam dunia perkerisan diberikan kepada orang yang bertanggung jawab langsung dan menyeluruh dalam pembuatan bilah keris. Dia yang memilih bahan baku, menentukan saat dimulai pekerjaan, mengolah bahan pembuatan keris, merekayasa pola pamor, mengerjakan dhapur (bentuk), menggarap keindahan ricikan (bahagian-bahagian bilah keris), termasuk urusan sesajinya".

Menurut Basuki Teguh Yowono (2008), beliau menukilkan bahawa terdapat kepakaran tertentu dimiliki oleh seseorang empu (pandai besi) dalam proses untuk menghasilkan sebilah keris. Dalam kajian yang dilakukan oleh Basuki Teguh Yuwono (2008), seseorang Empu merupakan

ahli dalam bidang agama dan spiritual, ahli bidang senjata, ahli psikologi, ahli anatomi, ahli politik, ahli bidang sastera dan ahli bidang seni. Sebagai ahli dalam bidang agama dan spiritual, empu dianggap suci, mampu memahami hal ghaib dan memiliki kemampuan untuk memimpin upacara ritual keagamaan.

Pandai besi memiliki kebolehan untuk mengadaptasikan daripada unsur alam semula jadi sebagai sumber ilham untuk menghasilkan keris. Asbab-musabab perkara ini dilakukan adalah kerana ia dihubungkan dengan unsur penciptaan manusia yang berasaskan kepada empat unsur, iaitu tanah, air, api dan angin. Bahan utama dalam pembuatan keris seperti besi, baja, nikel diambil daripada tanah yang kemudiannya diadunkan dengan api dan air semasa proses pembuatan keris dilakukan. Lazimnya, bahan batu meteor dicampur dalam pembuatan keris bagi membentuk corak dan pola pamor yang indah.

Penggunaan bahan batu meteor yang jatuh dari langit dikatakan mempunyai kekuatan mistik dan mempunyai kesaktian. Dalam proses menempa sebilah keris, pandai besi lazimnya membaca mantera atau doa sebelum, semasa dan selepas penempaan keris dengan diiringi dengan pelbagai ritual. Simboliknya, tatacara ini dilakukan bagi tujuan untuk memasukkan "semangat" atau "roh" dalam bilah keris yang dihasilkan. Menurut kepercayaan, keris yang ditiupkan 'roh' semasa penempaan, dikatakan ampuh dan sakti. Dalam pemilihan pembuatan bahan untuk menempa besi keris, pandai besi akan mencari, mengambil dan menggunakan pelbagai bahan besi daripada sembilan daerah untuk dijadikan bahan utama pembuatan (Khamis, *et.al.*, 2013).

Bahan utama tadi dicampur dan diadunkan bersama semasa tempaan dengan cara dilakukan berulang kali dalam membentuk bilah keris seperti mana yang dikehendaki. Setelah bilah siap ditempa, bilah keris 'disepuh' pula dengan air yang diambil sekurang-kurangnya daripada tiga kuala sungai. Bahan utama bilah keris yang ditempa dengan kaedah ini dikenali sebagai 'Besi Sembilan Desa'. Apabila telah siap 'disepuh', bilah keris tadi di'tapa'kan selama empat puluh empat (44) hari di tempat yang paling tinggi di daerah mana bilah keris itu ditempa (Khamis, *et.al.*, 2013). Oleh kerana proses yang dilakukan dalam menempa keris melibatkan ritual-ritual tertentu sudah pastilah keris mempunyai nilai mistiknya yang tersendiri.

Dalam Bidang Perubatan

Keyakinan masyarakat terhadap kemampuan bomoh sewaktu menilik, merawat dan menyembuhkan penyakit jasmani atau pun spiritual menyebabkan bidang pengubatan tradisional semakin mendapat sambutan tinggi khususnya di kalangan orang Melayu yang mendiami kawasan pedalaman. Menurut Ling Yap Peng (1983) menyatakan, dukun atau bomoh yang melibatkan pemeliharaan jin dianggap mempunyai kebolehan luar biasa dan boleh mengubat orang yang terkena penyakit khususnya penyakit gangguan spiritual.

Segelintir masyarakat mempercayai bahawa keris memiliki kuasa mistik dalam menyembuhkan penyakit dan menunaikan hajat seseorang dalam ritual yang diadakan oleh bomoh. Sebahagian daripada bomoh, dukun atau pawang menjadikan keris sebagai alat pembantu ritual dalam pengubatan tradisional Melayu. Sebagai contoh, ketika melakukan rawatan dengan kaedah menurun, seseorang bomoh akan didampingi, iaitu bersatu atau diresapi oleh makhluk pendamping yang terdiri daripada jin, khadam dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan perawat tersebut berada dalam keadaan tidak sedarkan diri ataupun separuh sedar. Makhluk yang bersatu atau meresap ke dalam jasad sebenarnya telah menguasai tubuh manusia dan menggunakan lidah manusia untuk berkomunikasi. Contohnya, perawat memegang keris untuk memotong limau. Yang memotong ketika itu ialah tangan bomoh tersebut tetapi sebenarnya perlakuan bomoh tersebut berlaku atas kehendak, ikhtiar atau ketentuan khadam atau jin yang meresap ke dalam tubuh bomoh (Ahmad Fazlie Shafie dan Nizam Sahad, 2015). Malah ada juga

menggunakan keris untuk mengesan penyakit yang dihadapi oleh pesakit (<http://azmirelatif-1.blogspot.my/2011/12/keris-kesan-penyakit.html>, capaian pada 14.8.2017).

Setengah pengamal perubatan tradisional menyatakan bahawa mereka mendapat keris melalui mimpi. Setengahnya dikatakan mendapat keris selepas lamanya bertapa di tempat tertentu yang dipercayai mempuyai kesaktiannya. Ada yang mendapatnya secara pusaka turun temurun selepas dititihkan kepada mereka dengan beberapa persyaratan bahawa mereka perlu menjaga keris itu dan memberi penghormatan pada setiap kali bulan purnama

Dalam pada itu, pemilik keris yang menjadi bomoh atau pendekar disebabkan bantuan sakti yang diterima daripada keris tersebut perlu menjaga adab. Dari segi adabnya, keris perlu dihormati dan bagi menunjukkan penghormatan tersebut, pada setiap bulan purnama tertentu pemilik keris perlu memperasap keris pusaka dengan melanggir sintuk atau limau nipis bagi mengekalkan kesaktian pada keris tersebut dan sentiasa memberi tuah pada tuannya. Kemudiannya, keris akan dibalut dengan kain kuning dan kain hitam, dikuncup belai dan disimpan di dalam kotaknya (<http://sanskartamalaya.blogspot.my/2013/08/keris-dalam-pemujaan-senjata-hindu.html>. Capaian pada 14.8.2017).

Mistik Keris

Keris telah digunakan selama lebih dari 600 tahun oleh bangsa-bangsa Melayu seperti Malaysia, Filipina Selatan (Mindanau), Thailand Selatan, Brunei darusalam dan Indonesia. Sebagai contoh, di Indonesia keris lebih popular di bahagian barat dan tengah. Bahkan pada zaman dahulu, dalam idealisme Jawa, seorang laki-laki belum dikatakan 'sempurna' jika belum memiliki keris.

Asal-usul keris itu sendiri belum diketahui sepenuhnya kerana tidak adanya sumber tertulis secara deskriptif yang boleh dijadikan asas secara tepat. Namun keris diyakini telah ada sejak sebelum abad ke 15, hal itu dibuktikan dengan adanya istilah kata 'keris' yang berasal dari abad ke 9. Sementara itu, kajian tentang perkembangan keris dan fungsinya terus dilanjutkan dengan melihat pada analisis gambar yang dilakarkan pada candi atau patung dan melalui laporan-laporan kajian para sarjana (<http://ensiklopediaindonesia.com/keris-antara-senjata-budaya-dan-misteri/>, Capaian pada 14.8.17)

Keris pada zaman dahulu digunakan sebagai senjata para pahlawan Melayu. Lazimnya, keris digunakan dalam acara atau ritual-ritual mistik. Keris dianggap sebagai benda yang mempunyai kekuatan mistik. Sudah menjadi kepercayaan segelintir diantara masyarakat kita yang mengaitkan kekuatan sesuatu barang itu adalah disebabkan ianya mempunyai khadam atau penjaga walaupun terdapat juga beberapa barang yang bersifat alami secara asalnya. Menurut sesetengah kepercayaan, barang mistik itu menjadi tempat tinggal makhluk halus. Malah ada yang beranggapan dengan bantuan khadam tersebut tuan punya keris tersebut akan memiliki kekuatan yang luar biasa seperti kebal, pendinding diri, dimurahkan rezeki. Di samping itu, ada juga yang mendakwa keris yang istimewa memiliki khadam yang mempuyai kemampuan untuk terbang atau bergerak-gerak dengan sendirinya. Bahkan terdapat juga keris tertentu dapat memberi alamat atau amaran awal kepada pemiliknya sekiranya terdapat musuh atau orang yang berniat serong terhadapnya. Ia seolah-olah mempunyai hikmat yang tersendiri dan dapat membantu pemilik keris itu menjadi seorang pendekar terulung yang amat sukar ditewaskan. Realiti yang berlaku tersebut disebabkan keris tersebut mempunyai penjaganya yang memiliki keistimewaan yang tersendiri.

Pandangan Islam Terhadap Senjata Keris

Adat memainkan peranan utama dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sementara budaya Melayu merujuk kepada gaya hidup masyarakat Melayu secara amnya. Selain agama yang

berfungsi untuk mengisi kekosongan rohani jiwa manusia, adat juga turut memainkan peranan sebagai “pendamping” agama dalam pembentukan nilai masyarakat Melayu sepertimana digambarkan dalam ungkapan adat dalam pepatah berikut:

*“Buah keduduk menghujung dahan
Tempat bersarang semut kerengga
Bertuah petunjuk mengandung iman
Bertuah ajaran beradat lembaga
Banyak keduduk banyak bijinya
Banyak belukar banyak kayunya
Banyak petunjuk banyak isinya
Banyak pengajar banyak ilmunya”*

Kedatangan Islam ke tanah Melayu telah banyak mengubah landskap pandangan semesta pemikiran Melayu yang terikat kepada kepercayaan tahyul yang bersendikan kepada ajaran Hindu Budha kepada ketaatan yang mutlak kepada Allah S.W.T. Islam juga telah membebaskan jiwa dan pemikiran manusia daripada di belenggu dengan kepercayaan khurafat dan tahyul dalam setiap aspek keperluan kehidupan masyarakat Melayu. Islam sama sekali tidak pernah menyekat kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Apa yang menariknya, Islam turut meraikan kebudayaan masyarakat tempatan selagi mana tidak menyalahi prinsip akidah. Inilah keindahan dan keunikan yang ada pada ajaran Islam yang “*rahmatan lil `alamin*” sifatnya.

Dalam Islam, akidah merupakan kawalan dan pemandu yang tepat dalam menyusun setiap pola perlakuan manusia. Oleh yang demikian, setiap perkataan, perbuatan dan getaran yang berdetak dalam dinding hati manusia perlu mematuhi setiap tuntutan yang ada pada akidah. Atas kepentingan tersebut, al-Qur’an al-Karim sangat mementingkan pembinaan akidah. Sebagai contoh, jika dilihat penurunan ayat *Madaniyyah* atau *Makiyyah* sebahagian besarnya memberi petunjuk kepada manusia untuk mengikat dirinya dengan Rabb (Abdullah Yusuff Azzam, 1984).

Begitu juga dalam konteks persenjataan, Islam tidak pernah menghalang umatnya untuk memajukan diri dalam bidang persenjataan. Sebagai contoh, dalam tuntutan sebahagian daripada ibadah jihad, tidak akan sempurna konsep jihad tanpa disempurnakan dengan ilmu dan pengetahuan khususnya berkaitan dengan senjata dan cara menggunakannya, mengetahui ilmu peperangan, strategi dan lainnya. Semua keperluan yang dinyatakan tersebut menjadi tuntutan dalam jihad yang perlu diberi perhatian, latihan yang berterusan serta ilmu yang relevan dengan reality dan kondisi masyarakat semasa. Semua itu terangkum dengan istilah *I'dad al-Quwwah*, iaitu persiapan kekuatan berperang untuk menghadapi musuh.

Allah Ta'ala juga memerintahkan untuk *ber'idad* sebagai syarat kesempurnaan perintah jihad. Firman Allah S.W.T maksudnya:

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan)."

(QS. Al-Anfal: 60)

Kalimat "*wa'aidduu*" (persiapkanlah!) ditujukan kepada kaum mukminin secara keseluruhan, sebagaimana yang dikatakan imam Al-Alusi dalam tafsirnya. Hal ini juga menunjukkan bahwa perintah *I'dad* merupakan tugas bagi masing-masing orang mukmin, bukan Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam semata-mata.

Ibnu Katsir rahimahullah berkata, "Allah Ta'ala memerintahkan untuk menyiapkan alat-alat perang untuk memerangi mereka sesuai dengan kekuatan, kemampuan, dan kesanggupan. Karenanya Allah Ta'ala berfirman, "Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi," artinya kekuatan apa saja yang bisa kamu usahakan, dan juga dari kuda-kuda yang ditambat (dilatih)." (Tafsir Ibnu Katsir: 2/322).

Justeru, dapat difahami bahawa Islam tidak pernah menegah dan menghalang umatnya untuk terlibat dalam aktiviti persenjataan. Namun begitu, Islam tidak dapat berkompromi berkaitan perkara-perkara yang boleh menyebabkan berlakunya syirik. Oleh yang demikian, mana-mana perlakuan seperti memuja, bacaan doa atau mantera yang mengandungi unsur-unsur syirik di baca pada keris adalah tidak dibenarkan sama sekali. Tidak salah kita untuk menghargai unsur-unsur kesenian dan unsur-unsur kearifan tempatan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu berkaitan keris.

Tegasnya, masyarakat Melayu kaya khazanah kebudayaan yang tinggi. Sebagai contoh, dalam bidang pengkerisan, unsur-unsur reka bentuk yang terdapat pada keris bermula dari hulu, sarung dan bilah keris penuh dengan unsur-unsur kesenian. Oleh itu, tidak hairanlah keris di angkat sebagai alat kebesaran kerajaan Melayu kerana ia mengandungi simbol estetika yang tinggi.

Bahkan apabila Islam datang ke Tanah Melayu, unsur-unsur kepercayaan berkaitan keris juga turut dipengaruhi oleh agama tersebut. Sebagai contoh, bilangan luk yang terdapat pada keris seperti keris berluk 5 melambangkan rukun Islam, keris berluk 13 melambangkan rukun sembahyang begitu juga falsafahnya iaitu melambangkan ketaatan sepenuhnya kepada Allah yang Maha Esa.

Namun begitu, sifat-sifat kemistikan yang terdapat pada keris yang telah lama dipegang oleh masyarakat Melayu perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Islam menegah sepenuhnya kepercayaan khurafat seperti khadam keris dan kuasa-kuasa mistik lain yang terdapat pada keris. Ini kerana, kepercayaan tersebut adalah bercanggah dengan pegangan akidah tauhid. Sebagai seorang muslim, adalah menjadi kewajipan kepadanya beriktikad bahawasanya tidak ada kuasa yang lebih berkuasa melainkan Allah S.W.T semata-mata. Dengan meletakkan kepercayaan terhadap sesuatu perkara yang boleh memberi kesan kepada manusia seperti kepercayaan boleh mendatangi kebal terhadap manusia, berkemampuan untuk menyembuhkan penyakit, boleh memberi petunjuk kepada manusia tentang sesuatu perkara boleh mengundang kepada kepercayaan syirik dan terkeluar dari akidah Islam yang suci. Oleh yang demikian, kepercayaan seperti yang dinyatakan perlu dielakkan dan dijauhkan kerana dibimbangi akan mengundang kepada terbukan pintu kesyirikan.

Menurut (Syeikh Ibn Taimiyyah, 2010) hukum meminta bantuan daripada khadam ataupun jin dalam perkara mungkar adalah haram dalam dan cenderung kepada kufur seperti yang dinukilkan oleh beliau:

"Kemudian sekiranya seseorang itu meminta pertolongan daripada para jin untuk (melakukan) perkara (yang mengandungi) kekufuran maka orang tersebut (menjadi) kafir, dan jika orang itu meminta pertolongan daripada para jin untuk (menghukum) perkara-perkara (yang mengandungi) maksiat maka orang itu (menjadi seorang yang mengerjakan maksiat atau fasiq atau berdosa tanpa fasiq."

Tegasnya, Islam adalah satu agama yang sentiasa meraikan adat setempat selagi mana ia tidak menyalahi akidah Islam. Keris yang diangkat sebagai senjata dan juga sebahagian daripada kebudayaan Melayu dan memiliki nilai estetikanya dan juga membuktikan hasil kerja intelegensia masyarakat Melayu tidak bertentang dari sudut agama. Keris dalam masyarakat Melayu menjadi lambang kebangsawanan tuannya dan menjadi pakaian kepada lelaki secara

tradisinya. Realitinya pada masa kini, keris menjadi bahan koleksi seni halus tradisi yang tinggi dan masih lagi relevan dalam upacara tradisi simbolik. Kehalusan ukiran kayu dan campuran besi yang digunakan membuktikan ketinggian kesenian yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan seni pertukangan orang Melayu yang banyak tercatat dalam lembaran sejarah ukiran Melayu tradisi yang dikatakan wujud sejak 500 tahun dahulu. Peranan ini pula turut disokong oleh Raja-Raja dan para saudagar sebagai patron dalam membantu memperkasakan bidang kesenian halus dan diiktiraf sebagai kearifan tempatan masyarakat Melayu.

KESIMPULAN

Keris merupakan senjata masyarakat Melayu yang masyhur dari dahulu sehingga kini. Namun fungsinya sudah berubah, jika dahulu dilihat sebagai senjata utama namun kini, lebih kepada kelestarian kebudayaan masyarakat Melayu. Dari sudut kaca mata Islam pula, ajaran ini tidak pernah menegah ataupun menghalang mana-mana budaya yang diamalkan oleh masyarakat tempatan selagi mana ia tidak menyalahi batasan aqidah Islam. Keris perlu dilihat sebagai senjata yang kaya dengan adat dan budayanya. Ia bukannya senjata yang diangkat sebagai makral sifatnya dan penuh dengan kepercayaan mistik yang jelas menyalahi aqidah Islam. Umat Islam khususnya masyarakat Melayu perlu mengelak mana-mana kepercayaan yang bercampur aduk dengan kepercayaan khurafat ditakuti dan dibimbangi boleh menjatuhkan aqidah seseorang. Tegasnya, keris secara fizikalnya adalah merupakan sejuga sebagai bahagian daripada ikonik senjata tradisional dan merupakan sebahagian daripada warisan *local genius* yang pernah dihasilkan dalam sejarah kebudayaan peradaban Melayu. Dalam kerangka falsafah yang memuatkan khazanah *local genius*, dua kriteria yang menyokong kepada sumbangan tersebut ialah keris sebagai simbol kekuatan dan kekuasaan orang Melayu dan juga sebahagian daripada kebudayaan Melayu sepertimana yang telah oleh kerajaan Melayu terdahulu sebagai alat kebesaran Raja-Raja Melayu serta wahana kehidupan masyarakat tempatan.

RUJUKAN

- Abdullah Yusuf Azzam, (1984) *Aqidah Asas Wawasan Ummah*. terj. (Ahmad Nuryandi Asmawi. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ahmad Fazlie Shafie dan Mohd Nizam Sahad, (2015). Mantera Dalam Perawatan Tradisional Melayu Di Kedah: Analisis Menurut Perspektif Akidah Islam. *Jurnal Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Al-Mudra, M, (2004). *Keris dan Budaya Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.
- Al-Mudra, M, (2009). Melacak Asal Usul Keris dan Peranannya Dalam Sejarah Nusantara. *Sari* 27 (2009) 27-44.
- Basuki Teguh Yuwono. (2008). Sekilas tentang keris (proses pembuatan, empu dan etika menggunakan keris. *Seminar Keris*, Kota Pati: Yayasan KI Ageng Penjawi Pati & Pemerintah Daerah Kabupaten Pati.
- Haryono Haryoguritno. 2005. *Keris Jawa – Antara Mistik dan Nalar*. Jakarta: PT Jayakarta Agung Offset.
- Ibn Taymiyyah, (1982). *Al-Furqan Bayna Auliya' al-Rahman wa Awliya' al-Syaitan*. Bayrut.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Abdul Latif Samian dan Zuliskandar Ramli, (2012). *Keris Artifak Kejuruteraan Spiritual Melayu*. Prosiding Seminar Antabangsa. Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu. 15-16 Oktober 2012, Bilik Senat dan Bilik Majlis, Universiti kebangsaan Malaysia

- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Abdul Latif Samian & Zuliskandar Ramli, (2013). Keris: Artifak Kejuruteraan Spiritual Melayu. *International Journal of Malay World and Civilization (Iman)* 1, 3, (2013), 29-49.
- Ling Yap Peng, (1983). *Komuniti Bajau di Pulau Omadal, Sabah: Sejarah Ringkas, Sistem Sosial, Ekonomi dan Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Soekiman, D, (1983). *Keris: Sejarah dan Fungsinya*, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Badan Penelitian dan Pengembangan Pendidikan dan Kebudayaan: Proyek Javanologi.
- Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu) Karangan Tun Seri Lanang. Studied and introduced by oleh Muhammad Haji Salleh, 2009. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wooley, G. C, (1998) *The Malay Keris: Its Origin and Development*. Dlm Hill etc. *The Keris and Other Malay Weapons*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- <http://azmirelatif-1.blogspot.my/2011/12/keris-kesan-penyakit.html>, capaian pada 14.8.2017.
- <http://sanskartamalaya.blogspot.my/2013/08/keris-dalam-pemujaan-senjata-hindu.html>. Capaian pada 14.8.2017.
- <http://ensiklopediaindonesia.com/keris-antara-senjata-budaya-dan-misteri/>. Capaian pada 14.8.17
- hartalangit.blogspot.com, capaian pada 29 Jun 2019.
- <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/keris-jiwa-melayu-dan-nusantara-1.377802>, capaian pada 29 Jun 2019.
- <http://melayudankeris.blogspot.com/p/falsafah.html>, capaian pada 29 Jun 2019.

